

11 AUG 1998

TABUNG PEKERJA: PEKERJA DAN MAJIKAN SUMBANG RM1, KATA MTUC

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berkata syarat penubuhan Tabung Pemberhentian Pekerja tidak berubah daripada cadangan asal iaitu pihak pekerja dan majikan masing-masing menyumbang RM1.

Presidennya Zainal Rampak berkata dalam kenyataan, syarat itu telah dipersetujui oleh semua pihak yang hadir pada Simposium Kebangsaan mengenai Krisis Ekonomi dan mesyuarat Majlis Am pada Februari lepas.

Beliau mengulas dakwaan Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Kebangsaan (NUBE) semalam yang menyatakan cadangan tabung itu berbeza dengan konsep yang dipersetujui sebelum ini.

MTUC juga tidak bersetuju dengan cadangan NUBE kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta kerajaan turut menyumbang untuk tabung itu.

Penubuhan tabung itu dicadangkan antaranya bertujuan melindungi pekerja yang menghadapi masalah akibat tindakan majikan tidak bertanggungjawab.

Tabung itu dijangka dapat mengutip RM120 juta setahun.

Sementara itu dalam satu kenyataan lain, Kesatuan Kakitangan Eksekutif Bank of Commerce (Bank of Commerce Executive Staff Union) menyatakan sokongan mereka terhadap penubuhan tabung itu.

-- BERNAMA

NM PR